

LRT: Najib beri kontrak kepada George Kent?
FreeMalaysiaToday
June 25, 2012
Oleh Fazy Sahir

PM sendiri campur tangan sedangkan campur tangan beliau ini tidak disenangi pihak pengurusan Prasarana," dakwa Rafizi.

PETALING JAYA: PKR mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak campur tangan dalam pemberian projek tambahan sistem transit aliran ringan (LRT) Ampang bernilai RM960 juta.

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli mendakwa Najib sendiri memastikan supaya kontrak tersebut dianugerahkan kepada sebuah konsortium yang diterajui syarikat George Kent.

Menurutnya, konsortium terbabit tidak terpilih melalui proses tender terbuka yang dijalankan oleh syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).

"Perdana Menteri sendiri pernah berjanji untuk berlaku telus dan memastikan semua kontrak besar dijalankan secara tender terbuka.

"Menurut sumber, Najib sendiri campur tangan untuk pastikan kontrak itu dianugerahkan kepada George Kent sedangkan campur tangan beliau ini tidak disenangi pihak pengurusan Prasarana," dakwa Rafizi.

Beliau memberitahu surat daripada Pengarah Pengurusan Kumpulan Prasarana kepada Kementerian Kewangan bertarikh 12 Disember 2011 memaklumkan bahawa Konsortium PDA dipilih sebagai kontraktor terbaik projek tersebut.

"Malah surat itu juga memaklumkan kepada Perdana Menteri memohon kelulusan mengeluarkan Surat Tuju Terima kepada Konsortium PDA.

"Akhbar Business Times dalam laporannya juga mengesahkan bahawa Najib bertindak menukar keputusan Prasarana dan menolak proses tender terbuka dalam projek mega yang melibatkan wang rakyat itu," kata Rafizi.

Copyright (C) 2009-2012 MToday News Sdn. Bhd.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/06/25/lrt-najib-beri-kontrak-kepada-george-kent/>